

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1986/87

YMP 304 - Kewartawanan II

Tarikh: 13 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh.
(3 jam)

Ada DUA bahagian dalam peperiksaan ini. Anda perlu menjawab tiga (3) soalan kesemuanya, satu (1) soalan wajib dalam Bahagian 1, dan dua (2) soalan pilihan dalam Bahagian 2.

Semua jawapan hendaklah ditulis dalam Buku Jawapan Peperiksaan anda.

BAHAGIAN 1: (50%)

Jawab SEMUA soalan dengan ringkas (antara satu hingga lima ayat).

1. Beri empat sebab kenapa berita ditulis dalam bentuk "piramid terbalik".
2. Beri empat unsur pencaman (cam, kenal; identify, identification) seseorang watak dalam pemberitaan.
3. Apakah perbezaan antara ketepatan rakaman dan ketepatan hakiki? Ketepatan jenis manakah yang lebih mustahak dari sudut perundangan fitnah?
4. Menurut Birch, akhbar Melayu pertama tidak membangkang ataupun mengkritik kerajaan. Namun demikian, Birch menyebut satu peristiwa di mana akhbar itu telah menegur kerajaan pada masa itu. Apakah nama akhbar itu dan apakah peristiwa tersebut?
5. Apakah nama akhbar Cina pertama di Malaysia? Bila dan di bandar manakah ia diterbitkan?

...2/-

6. Beri nama penuh persatuan yang telah memulakan penerbitan akhbar Cina pertama di Malaysia. Apakah tujuan ia menerbitkan akhbar tersebut?
7. Mengikut laporan Birch, apakah nama akhbar Tamil (India) pertama di Malaysia dan di bandar manakah ia diterbitkan?
8. Dalam tahun berapa dan di bandar manakah akhbar pertama (berbahasa Inggeris) di Malaysia diterbitkan?
9. Siapakah pengasas penerbitan akhbar sulung (pertama) itu? Apakah beliau perlu meminta keizinan daripada pihak berkuasa untuk menerbitkan akhbarnya? Siapakah "pihak berkuasa" itu?
10. Abdul Rahim Kajai sering dianggap sebagai "Bapa Kewartawanan Melayu". Apakah nama sebenarnya? Kenapakah dia digelar Abdul Rahim "Kajai"?
11. Perundangan amnya dikuatkuasakan dengan hukuman. Beri tiga tujuan hukuman.
12. Beri tiga jaminan hak asasi yang dianggap berkait yang dimaktubkan serentak di dalam Artikel/Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan.
13. Sepanjang kursus anda selama setahun, anda telah menerbitkan sebuah akhbar makmal tanpa sebarang keizinan atau permit dari Menteri Dalam Negeri. Beri sebab atau alasan dengan rujukan yang nyata (kalau ada) kenapa anda berani berbuat demikian.
14. Apakah sebab-musabab dan alasan yang menjadi asas kepada konsep dan penggubalan perundangan hakcipta?
15. Soal pengharaman karya bukanlah satu isu baru dalam sejarah tamadun manusia. Daripada tulisannya yang masih kekal, siapakah antara ahli fikir terkenal dahulukala yang telah membincangkan hal ini? Dan apakah pendirian beliau dalam hal ini?

...3/-

16. Dalam bulan September 1986 dua orang wartawan telah diusir dari Malaysia. Beri sebab pengusiran itu (mengikut dakwaan Kerajaan Malaysia) dan beri nama akhbar tempat mereka bertugas.
17. Peristiwa pengusiran wartawan 1986 itu bukanlah perkara baru. Ia telah pernah berlaku dahulunya. Bila (tahun) dan di negeri manakah di Malaysia peristiwa sulung pengusiran wartawan itu berlaku?
18. Apakah perbezaan antara adab (etika) dengan undang-undang?
19. Dari sudut perundangan, ada had waktu tertentu bagi seseorang yang merasakan dirinya terfitnah untuk mengambil tindakan perundangan (statute of limitations). Berapa lamakah had ini?
20. Berdasarkan dakwaan laporan kerajaan, berapakah peratus kadar "celek huruf"/literacy rate rakyat dewasa negara ini sekarang?
21. Berdasarkan kajian, tajuk berita yang ditulis sepenuhnya dengan huruf besar lebih: (a) mudah dibaca? atau (b) sukar dibaca? Kenapa?
22. Bila kita menggunakan gambar potret di dalam akhbar, matanya hendaklah: (a) melihat ke dalam teks tulisan? atau (b) melihat ke luar teks tulisan? Kenapa?
23. Dalam tahun berapakah Akta Rahsia Rasmi (ARR) digubal? Apakah hal yang terangkum dalam kuatkuasa akta ini? Di bawah ARR mengikut pindaan terbaru (1986), apakah hukuman terberat (maksimum) bagi pesalah?
24. Apakah "fitnah" dari takrif perundangan?
25. Di tempat-tempat manakah terdapatnya "keistimewaan mutlak" (absolute privilege)? Beri dua.

BAHAGIAN 2: (50%)

Pilih DUA (2) soalan dan jawab dalam bentuk esei.

1. Kebebasan media cetak dalam sesebuah negara boleh dibendung dengan pelbagai cara. Bendungan ini boleh dilakukan dengan cara....

2. Berdasarkan perkembangan sejarah persuratkhabaran Malaysia, terdapat beberapa garis waktu penanda penting dalam perkembangannya. Bertolak dari situ dan berdasarkan keadaan sekarang, buat kelunjuran tentang apakah yang mungkin berlaku kepada bidang dan industri persuratkhabaran negara ini menjelang akhir abad ini.

3. Berdasarkan beberapa tulisan dan ucapannya, Perdana Menteri Malaysia sekarang, Dr. Mahathir Mohammad, 61, mempunyai pendirian tertentu mengenai peranan dan tanggungjawab akhbar yang dianggap sesuai bagi sesebuah negara seperti Malaysia. Apakah falsafah dan teori yang dipilihnya. Apakah hujah-hujah yang dikemukakannya untuk menyokong pilihannya itu? Apakah anda bersetuju atau berbeza pendapat dengannya. Bentangkan sebab-musabab dan alasan bagi menyokong persetujuan ataupun perbezaan pendapat anda dengan beliau.

4. "Persuratkhabaran adalah satu perniagaan yang memperdagangkan maklumat. Dan seperti perdagangan lain, apa yang penting baginya ialah keuntungan. Ia cuma berselindung di sebalik tabir kemurnian 'perjuangan menegakkan kebenaran' sebagai alasan semata-mata." Hujahkan.

-ooo000ooo-